

18/01/2001

Pulau Pinang makin ceria

Anuar Asmadi

PERSIAPAN Pulau Pinang untuk mengharungi Kejohanan Bola Sepak Piala Emas Raja-Raja yang akan bermula awal bulan depan bertambah ceria dengan kehadiran beberapa pemain musim lalu.

Malah mereka diibaratkan sebagai tulang belakang yang akan mengukuhkan jentera negeri ini.

Musim lalu, Pulau Pinang hanya layak ke pusingan separuh akhir tetapi memenangi Piala Agong selepas menumpaskan Terengganu 2-0.

"Malah kami cukup gembira apabila Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) melepaskan beberapa pemain simpanan Liga Perdana Satu turut sama menjalani latihan," kata jurulatih Pulau Pinang, Ramli Mohamad.

Penyerang Piala Presiden dan pelatih Liga Simpanan Satu, Mahathir Mohd sudah pasti akan mengetuai bahagian depan Pulau Pinang.

Megat Amir Faisal yang berpengalaman sebagai penjaga gol Pulau Pinang juga diizinkan oleh FAP untuk menyertai skuad negeri ini nanti.

(END)